

**Rang Undang-undang Bahan Kakisan Dan Letupan Dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013  
Dilulus  
Bernama  
10 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini meluluskan Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013.

Rang undang-undang itu diluluskan selepas dibacakan buat kali ketiga oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Terdahulu, ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu, Wan Junaidi berkata kerajaan akan mengkaji cadangan untuk membekalkan satu senjata api bagi setiap lima anggota Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela) di seluruh negara.

Beliau berkata kajian terperinci perlu dilakukan terutamanya dari segi kesesuaian, keperluan dan kemampuan kerajaan untuk membekalkan senjata kepada anggota Rela yang jumlahnya besar di negara ini.

Terdapat kira-kira tiga juta anggota Rela di seluruh negara pada masa ini, dengan hampir satu juta daripadanya aktif.

"Jadi persoalan untuk melengkapkan mereka (Rela) ini dengan senjata memang payah sedikit...bagaimanapun kita akan kaji," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Bahan-bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya (Pindaan) 2013.

Menurutnya pemberian senjata api juga tidak boleh dibuat sewenang-wenangnya bagi memastikan ia tidak membahayakan mana-mana pihak.

Mengenai penggunaan senjata api buatan sendiri di Sabah dan Sarawak yang semakin berleluasa, Wan Junaidi berkata pihaknya akan mengadakan taklimat bersama polis untuk mendapatkan jumlah kes dan maklumat terperinci berhubung perkara itu.

Ini kerana, katanya membuat senjata api sendiri merupakan satu kesalahan mengikut undang-undang senjata api.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1029550>